

D375

U B262 A A B
MAHATHIR - GHAFAR

KUALA LUMPUR , 26 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD EERKATA BAHAWA TIADA SESIAPA YANG AKAN MEMANGKU JAWATAN PERDANA MENTERI SEMASA BELIAU MENGHADIRI PERSIDANGAN KEMUNCAK KETUA-KETUA NEGARA ASEAN DI MANILA BULAN DEPAN.

+SAYA AKAN PERGI KE MANILA SEKEJAP SAHAJA DAN SAYA AKAN BERHUBUNG SETIAP MASA DAN TIDAK ADA PEMANGKU PERDANA MENTERI PADA MASA ITU,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR KEPADA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN CERAMAH PENGURUSAN KUALITI DI SINI HARI INI.

BELIAU EERKATA DEMIKIAN SEBAGAI MENGULAS PERTANYAAN MENGENAI TIMBALAN PERDANA MENTERI, ENCIK GHAFAR BABA, YANG SEDANG CUTI SAKIT. PERDANA MENTERI AKAN MENGHADIRI PERSIDANGAN ITU DARI 14 HINGGA 16 DIS.

APABILA DITANYA BILAKAH ENCIK GHAFAR AKAN BALIK BERTUGAS, BELIAU BERKATA: +BELIAU PERLU CUTI DAN BEREHAT LAMA KERANA BAHARU SAJA MENJALANI PEMBEDAHAN DAN SAYA MEMBERI BELIAU CUTI SEHINGGA TAHUN DEPAN+. -- LAGI

1227MST 26 11 87 . .

D385

u B270 A A B
MAHATHIR - GHAFAR 2 KUALA LUMPUR
(ULANGAN MEMBETULKAN NAMA MENTERI BURUH PADA PARA KELIMA) R R R

+BIARLAH DIA BETUL-BETUL SEMBUH DAN SELEPAS ITU, DIA BOLEH BALIK BERTUGAS BILA-BILA MASA SAHAJA,+KATANYA.

ENCIK GHAFAR MENJALANI PEMBEDAHAN JANTUNG DI HOSPITAL HUMANA, WELLINGTON ST JOHN WOOD PADA 4 NOV LEPAS DAN KINI BEREHAT DI RUMAH REHAT MALAYSIA DI ENISMORE GARDEN, LONDON.

PEROANA MENTERI JUGA MENAFIKAN KHABAR-KHABAR ANGINKONONNYA ROMBAKAN KABINET AKAN DILAKSANAKAN TIDAK LAMA LAGI.

+TIDAK ADA ROMBAKAN. DI MANA TIMBULNYA KHABAR ANGIN INI LAGI?+ SOALNYA KEPADA PEMERITA.

BELIAU JUGA TIDAK TAHU BILA TIMBALAN PRESIDEN MCA, LEE KIM SAI, AKAN BALIK BERTUGAS SELEPAS BERKUTI SEJAK LEWAT BULAN LEPAS.

+SAYA TAK TAHU BILA DIA AKAN BALIK,+KATANYA. -- BERNAMA
1256MST 26 11 87